

Perahu Sekoci

Bangau pada perahu ini berbentuk abstrak, lebih pendek dan berbeza dari kolek. Bentuk bangau perahu sekoci berkemungkinan berasal dari bentuk ikan dan mulut, manakala okoknya mempunyai rekabentuk yang sama, cuma saiznya lebih kecil. Bahagian tengah yang menegak antara bangau dan okok di sebut sebagai “penyundal”



Bangau Sekoci
Rusila, Marang, Terengganu
1963, Kayu Cengal, 99 cm x
93 cm

Perahu Sekoci yang dilengkapi dengan Bangau kepala burung dan Okok



Perahu Bedar

Bangau yang diletakkan pada Bedar bersaiz agak besar berbanding dengan bangau perahu jenis lain. Rekabentuknya, diukir dengan bentuk kepala burung atau bentuk lain yang diadaptasi dari kepala 'hantu' (demon) dengan wajah berkerut atau tersenyum. Manakala bentuk okoknya turut diukir sama ada berbentuk miniatur burung atau hantu.



Bangau Bedar ,Terengganu
1963. kayu cengal. 121 x 77 cm



Perahu Bedar Terengganu

Perahu Jalora

Bangau Jalora diukir dengan corak abstrak yang seakan-akan Bangau perahu Sekoci, manakala okoknya bercorak ringkas dan tidak bercorak.



Bangau Jalora Pekan, Pahang
1964. Kayu Cengal. 72 cm x 53.5 cm



Foto asal bangau Jalora yang dirakamkan oleh Mubin Shepard sekitar tahun 1960-an.